

Newspaper	HARIAN METRO
Date	10/5/2012

Harian Metro

Setempat

# Berjuang demi rakyat

Umno perlu jadi parti bukan berkepentingan individu



>>Oleh Mohd Sabran Md Sani  
sab@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Umno harus menggambarkan diri mereka sebagai parti yang memperjuangkan rakyat dan bukan perjuangan diri untuk mana-mana pihak, kata mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata, kegagalan generasi muda menghayati perjuangan kepimpinan terdahulu turut menyebabkan golongan berkenaan mudah 'dihasuk' dan melupakan nikmat serta jasa ditaburkan parti Umno kepada mereka.

"Oleh kerana mereka tidak mengetahui mengenai latar belakang perjuangan, maka mereka mudah dihasut. Hasutan inilah yang menyebabkan mereka berpaling tadah kepada Umno. Kita tidak nafi ada keburukan dalam Umno.

"Terdapat mereka yang mengutamakan kepentingan diri, yang mencari kekayaan dalam Umno, yang terbabit dengan rasuah um-

pamanya. Ini ditunjukkan oleh pemimpin parti lawan semata-mata untuk menimbulkan perasaan marah dan benci kepada Umno," katanya dalam wawancara khas di Yayasan Al-Bukhary, Jalan Perdana, semalam.

Dr Mahathir berkata, paling mengecewakan, generasi muda diajar untuk mengetepikan perasaan terhutang budi serta melupakan jasa dibuat Umno meskipun mendapat pelbagai bantuan, biasiswa untuk meneruskan pelajaran ke peringkat tertinggi.

"Orang Melayu biasanya berpegang kuat pada perkataan terhutang budi. Sehingga mati pun dia berpegang kuat. Kita harus menghargai budi, tetapi pihak lawan sudah berjaya mengalih perasaan terhutang budi kononnya perkara lama tidak harus diungkit.

"Dengan kata lain, kalau mereka sudah diberi banyak bantuan sehingga hidup mereka lebih mewah, tetapi kalau disebut perkara itu, itu bermakna kita mengungkit dan itu memang hak mereka dan tidak perlu disebut," katanya.

Beliau berkata, tindakan itu sekali gus mengalih pemikiran budaya orang Melayu daripada bersyukur, berterima kasih dan menghargai budi kepada sikap menolak segala galanya, selain dilihat tidak hargai nikmat diterima.

Dr Mahathir berkata, kegagalan untuk membawa



DR MAHATHIR...generasi muda dihasut

masuk pemimpin berwibawa ke dalam Umno, selain isu perebutan kuasa di kalangan ahli untuk menjadi calon hingga berlaku perpecahan akan menyebabkan parti berkenaan terhakis.

"Kita dalam Umno harus mendedikasi semula kepada perjuangan asal. Kekuatan Umno kita tidak nafi sudah terhakis kerana beberapa sebab, antaranya kita tidak begitu menggalakkan kemasukan menjadi ahli kepada orang yang berwibawa.

"Dia juga terhakis kerana perpecahan berlaku, kuasa ini juga terhakis kerana perebutan untuk jadi calon, ahli Majlis Tertinggi (MT), ketua bahagian dan ketua cawangan. Pihak yang kalah tidak memberi kerjasama pada pihak yang menang," katanya.

Sehubungan itu beliau berkata, perlu bagi Umno kembali kepada perjuangan asalnya.